

KERTAS MODEL SPM

BAHASA MELAYU

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 1

Kertas 3

Soalan	Jawapan
<p>Bahagian A: Taksiran Individu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1 Rampanau diperbuat daripada dahan pohon sagu, kayu keras, dan dua batang buluh yang direka khas bagi menggantikan sepasang kasut dengan ketinggian antara tiga meter hingga 10 meter tinggi. 2 Cabaran utama dalam permainan ini adalah untuk mengawal keseimbangan badan, kekuatan dan kelenturan otot. 3 Pada pendapat saya, terdapat beberapa kepentingan mengekalkan permainan tradisional ini, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> – Permainan tradisional adalah sebahagian daripada warisan budaya yang diwarisi turun-temurun. Permainan ini mencerminkan kreativiti, keunikan dan nilai tradisional sesebuah masyarakat. Dengan memeliharanya, kita memastikan bahawa generasi akan datang dapat mengenali dan menghargai akar budaya mereka. – Kebanyakan permainan tradisional dimainkan secara berkumpulan yang membantu mengeratkan hubungan sosial. Permainan seperti congkak, galah panjang atau wau memerlukan interaksi dan kerjasama yang sangat penting untuk mengukuhkan silaturahim dalam kalangan masyarakat. 4 Langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mempopularkan sukan rakyat adalah seperti: <ul style="list-style-type: none"> – Menganjurkan program dan karnival sukan rakyat Kerajaan perlu menganjurkan acara khas seperti karnival sukan rakyat pada peringkat kebangsaan, negeri atau daerah. Hal ini dapat memperkenalkan permainan tradisional kepada generasi muda. – Memasukkan sukan rakyat dalam kokurikulum Permainan seperti galah panjang, konda-kondi atau batu seremban boleh dilakukan dalam aktiviti kokurikulum sekolah dan institusi pendidikan tinggi supaya murid dapat mempelajari permainan tradisional secara mendalam.
<p>Bahagian B: Taksiran Kumpulan</p>	<p>Isi-isi Penting</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan kestabilan politik negara – Apabila rakyat hidup dalam suasana harmoni, mereka lebih cenderung untuk menyokong dasar-dasar kerajaan yang bertujuan untuk memajukan negara. Konflik antara kaum boleh mencetuskan ketidakstabilan politik yang akhirnya menggugat pembangunan negara. Oleh itu, semangat perpaduan dapat memastikan rakyat bersatu-padu dalam menyokong pemimpin dan sistem pemerintahan yang adil.

Soalan	Jawapan
	<ul style="list-style-type: none"> • Kemakmuran ekonomi <ul style="list-style-type: none"> – Rakyat pelbagai kaum bekerjasama dengan berkongsi idea, kepakaran dan sumber untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi. Sebagai contoh, kerjasama antara usahawan pelbagai kaum boleh menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih berkualiti, sekali gus meningkatkan daya saing negara pada peringkat global. Perpaduan kaum juga mewujudkan suasana yang aman yang menarik pelabur asing untuk melabur di negara ini. • Mewujudkan masyarakat yang harmoni dan saling menghormati <ul style="list-style-type: none"> – Rakyat pelbagai kaum hidup dengan semangat toleransi dan muhibah, konflik perkauman dapat dielakkan. Aktiviti seperti rumah terbuka semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Deepavali dapat mengeratkan hubungan antara kaum. Sikap saling menghormati budaya dan tradisi kaum lain juga mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. • Memperkaya warisan budaya negara <ul style="list-style-type: none"> – Kepelbagaian budaya hasil daripada kehidupan masyarakat berbilang kaum menjadikan negara lebih menarik, bukan sahaja kepada rakyat tempatan tetapi kepada pelancong asing. Festival budaya, makanan tradisional dan seni masyarakat yang pelbagai menjadi lambang keharmonian dan kekayaan warisan negara.

Kertas 4

Soalan	Jawapan	Sub markah	Markah total
Petikan Pertama	1 Gunung Rapat	1	30
	2 A	1	
	3 ✓, X, ✓	2	
	4 (i) SALAH (ii) SALAH (iii) BETUL	2	
	5 pekerjaan	1	
Petikan Kedua	1 Kelantan	1	
	2 Teknik pembayaran berjadual	1	
	3 ✓, X, ✓	2	
	4 (i) SALAH (ii) BETUL (iii) BETUL	2	
	5 – menggesa – akaun	2	
Petikan Ketiga	1 – Kerani – Peniaga	2	
	2 tukang kayu	1	
	3 D	1	
	4 (i) Berkebun (ii) Mengail ikan	2	
	5 – Halia – Lengkuas – Pisang	2	
Petikan Keempat	1 harta awam	1	
	2 – Keseronokan – Kebebasan – Kuasa	3	
	3 A	1	
	4 X: Tekanan rakan sebaya Y: Kebosanan melampau	2	

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 2

Kertas 3

Soalan	Jawapan
Bahagian A: Taksiran Individu	<ol style="list-style-type: none"> 1 Rozel juga dikenali sebagai “asam raya” atau “asam susur” dalam kalangan masyarakat tempatan. 2 Ekstrak rozel mengandungi vitamin C yang berfungsi sebagai antioksidan. Antara manfaat rozel adalah melancarkan peredaran darah, mencegah penyakit jantung dan mengubati asma. Rozel yang dijadikan sebagai minuman juga membantu menghaluskan kulit, meningkatkan stamina tubuh badan, mengubati insomnia dan mencergaskan minda seseorang. 3 Pada pendapat saya, sebab golongan muda tidak berminat menceburkan diri dalam bidang pertanian adalah kerana: <ul style="list-style-type: none"> – Bidang pertanian sering dianggap sebagai pekerjaan yang kotor, berat dan kurang bergaya dibandingkan dengan pekerjaan lain seperti sektor teknologi atau korporat. – Hasil pertanian bergantung pada faktor-faktor seperti cuaca, harga pasaran dan serangan penyakit sehingga dianggap berisiko tinggi. – Generasi muda sering bercita-cita untuk mendapat pekerjaan yang lebih fleksibel, berpendapatan tinggi dan sesuai dengan minat mereka seperti dalam bidang kreatif, teknologi atau perniagaan. 4 Antara peranan pihak sekolah untuk memupuk minat murid dalam bidang pertanian dan penternakan adalah: <ul style="list-style-type: none"> – Memasukkan topik berkaitan pertanian dan penternakan dalam kurikulum seperti dalam subjek Sains dan Geografi. – Membangunkan kebun sekolah atau ladang mini yang melibatkan murid menanam sayur-sayuran, herba atau menternak haiwan seperti ayam atau ikan. – Menganjurkan lawatan ke ladang, pusat penyelidikan pertanian atau institusi yang berkaitan bagi memberi pengalaman langsung kepada murid.
Bahagian B: Taksiran Kumpulan	<p>Isi-isi Penting</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mandi secara teratur <ul style="list-style-type: none"> – Mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari membantu untuk menghilangkan kotoran, peluh dan bakteria yang melekat pada badan. Penggunaan sabun antibakteria dapat memastikan kebersihan kulit lebih terjamin. • Menjaga kebersihan diri dan mulut <ul style="list-style-type: none"> – Menggosok gigi dua kali sehari iaitu pada waktu pagi dan sebelum tidur amat penting untuk mencegah kerosakan gigi dan penyakit gusi. Gunakan ubat gigi yang mengandungi fluorida supaya gigi menjadi sihat. • Memotong kuku secara berkala <ul style="list-style-type: none"> – Kuku yang panjang boleh menjadi tempat pembiakan bakteria dan kotoran. Oleh itu, memotong kuku setiap minggu ialah amalan penting untuk kebersihan diri. • Memakai pakaian bersih <ul style="list-style-type: none"> – Memastikan pakaian yang dipakai sentiasa bersih dan ditukar setiap hari. Penjagaan ini penting untuk mengelakkan jangkitan kulit akibat peluh atau kotoran.

Kertas 4

Soalan	Jawapan	Sub markah	Markah total
Petikan Pertama	1 C	1	
	2 X, ✓, ✓	2	
	3 (i) Papan tulis interaktif/Pembesar suara/Komputer (ii) Meja digital/Guru robot (<i>Virtual reality googles</i>)	2	
	4 Menggunakan pen atau jari	1	
	5 berketerampilan	1	
Petikan Kedua	1 RM17.5 juta	1	
	2 (i) BETUL (ii) SALAH (iii) BETUL	2	
	3 D	1	
	4 X: Latar belakang ekonomi Y: Sosiobudaya	2	
	5 X: Seletar	1	
Petikan Ketiga	1 hari kelima	1	
	2 – 30 orang – satu kilometer	2	
	3 B	1	
	4 ✓, X, ✓	2	
	5 (iii) negara asal (v) 70 peratus	2	
Petikan Keempat	1 Pulau Pinang	1	
	2 B	1	
	3 C	1	
	4 saintis muda	1	
	5 – Persidangan – Pertandingan	2	
	6 X, ✓, ✓	2	
			30

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 3

Kertas 3

Soalan	Jawapan
Bahagian A: Taksiran Individu	<ol style="list-style-type: none"> 1 Kelebihan madu boleh diperolehi sekiranya mengamalkan pengambilan madu asli terutamanya madu kelulut. 2 Madu kelulut memiliki satu-satunya keistimewaan bahan yang tidak terdapat pada madu lain iaitu gula <i>trehalose</i>. 3 Pada pendapat saya, cara untuk meningkatkan hasil madu kelulut di negara kita adalah seperti: <ul style="list-style-type: none"> – Pemilihan lokasi dan habitat yang sesuai, iaitu memastikan lokasi ladang kelulut mempunyai sumber makanan seperti bunga liar, tanaman berbunga dan kawasan hutan. – Memelihara ekosistem setempat dengan mengurangkan penggunaan racun perosak dan bahan kimia. – Menggunakan sarang kelulut moden yang direka untuk memaksimumkan pengeluaran madu dan memudahkan proses penuaian. 4 Antara peranan pihak kerajaan bagi menggalakkan golongan muda menceburkan diri dalam bidang penternakan adalah seperti: <ul style="list-style-type: none"> – Kerajaan menyediakan bantuan kewangan seperti geran permulaan, subsidi makanan ternakan dan insentif cukai untuk usahawan muda dalam bidang penternakan. – Menyediakan kursus, bengkel dan program latihan berkaitan penternakan seperti teknik moden, pengurusan ladang dan penggunaan teknologi.
Bahagian B: Taksiran Kumpulan	<p>Isi-isi Penting</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan akses kepada pencarian maklumat <ul style="list-style-type: none"> – Platform seperti <i>Facebook</i>, <i>Instagram</i> dan <i>TikTok</i> memberikan akses yang lebih mudah dan cepat kepada pencarian pelbagai maklumat. Pengguna dapat mengikuti perkembangan semasa, berita terkini dan informasi pendidikan dengan hanya satu klik. Perkara ini menjadikan masyarakat lebih terdedah dan peka dengan isu semasa. • Peluang perniagaan dan pemasaran <ul style="list-style-type: none"> – Media sosial membuka peluang kepada usahawan untuk memasarkan produk atau perkhidmatan mereka secara langsung kepada pengguna. Media sosial membantu usahawan kecil terutamanya untuk mengembangkan perniagaan tanpa kos yang tinggi. • Kebergantungan dan penyalahgunaan masa <ul style="list-style-type: none"> – Penggunaan media sosial yang berlebihan boleh menyebabkan ketagihan. Remaja terutamanya menghabiskan banyak masa untuk melayari platform seperti <i>TikTok</i> dan <i>Instagram</i> yang mengurangkan produktiviti dan menggunakan masa yang berlebihan yang sepatutnya masa itu digunakan untuk aktiviti lain seperti belajar atau bersosial secara langsung. • Isu privasi dan keselamatan <ul style="list-style-type: none"> – Pengguna media sosial mungkin tidak menyedari bahaya yang datang jika berkongsi maklumat peribadi. Platform ini sering menjadi sasaran penggoda atau penipu yang cuba memanipulasi data peribadi untuk tujuan yang tidak sah. Masalah privasi semakin meningkat apabila pengguna tidak menyedari tentang pengumpulan data mereka oleh syarikat besar.

Soalan	Jawapan	Sub markah	Markah total
Petikan Pertama	1 C	1	
	2 (i) BETUL (ii) BETUL (iii) SALAH	2	
	3 (i) Pengasingan sampah di rumah (ii) Sisa makanan dijadikan bahan kompos	2	
	4 Sumber pendapatan	1	
	5 sistematik	1	
Petikan Kedua	1 Seorang dan dua orang pesakit	1	
	2 Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak	1	
	3 X: Seikat petai Y: Seikat daun kayu – satu plastik buah-buahan hutan	2	
	4 X: Asam kelubi	1	
	5 (i) SALAH (ii) BETUL (iii) BETUL	2	
	6 B	1	
Petikan Ketiga	1 Program Latihan Khidmat Negara	1	
	2 – Membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda – Membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni	2	
	3 A	1	
	4 (i) Melambangkan tiga kaum utama yang bersatu padu (ii) kedaulatan negara	2	
	5 Program Penghayatan Sastera dan Budaya	1	
Petikan Keempat	1 Komanwel	1	
	2 (i) Tikar (ii) Pita Pengukur	2	
	3 A	1	
	4 – Perseorangan – Berpasangan	2	
	5 X, ✓, ✓	2	
			30

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 4

Kertas 3

Soalan	Jawapan
Bahagian A: Taksiran Individu	<ol style="list-style-type: none"> 1 Ombak berfungsi membawa makanan, nutrien, menyebarkan larva karang laut dan menghalang pemendapan sedimen pada terumbu karang. 2 Peranan terumbu karang kepada kehidupan marin adalah seperti: <ul style="list-style-type: none"> – Sebagai tuan rumah kepada hidupan marin. – Menjadi habitat pelbagai spesies ikan komersial untuk berlindung, membiak dan mencari makanan. – Menjadi pesona ekosistem hidupan marin di dasar laut. 3 Pada pendapat saya, cara untuk memelihara terumbu karang di laut adalah seperti: <ul style="list-style-type: none"> – Tidak membuang sampah ke dalam laut. – Mengawal penangkapan ikan berlebihan. – Program pemulihan terumbu karang. – Tidak menyentuh atau memijak karang kerana terumbu karang sangat sensitif. 4 Antara peranan pihak sekolah untuk menggalakkan murid memelihara dan memulihara alam sekitar adalah seperti: <ul style="list-style-type: none"> – Sekolah boleh memasukkan unsur pendidikan alam sekitar dalam kurikulum melalui subjek seperti Sains, Geografi dan Pendidikan Moral. – Menganjurkan program seperti Hari Alam Sekitar, gotong-royong membersihkan kawasan sekolah dan kempen kitar semula. – Kelab alam sekitar di sekolah boleh menjadi platform untuk murid melibatkan diri secara aktif dalam usaha pemuliharaan alam sekitar. Contohnya, aktiviti menanam pokok. – Memperkenalkan teknologi hijau seperti penggunaan bekas makanan mesra alam sekitar di kantin.
Bahagian B: Taksiran Kumpulan	<p>Isi-isi Penting</p> <ul style="list-style-type: none"> • Persediaan mental dan emosi <ul style="list-style-type: none"> – Alam pekerjaan sering kali membawa tekanan dan cabaran yang memerlukan ketahanan mental. Oleh itu, seseorang individu perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi kegagalan, menerima kritikan dengan sikap positif dan berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri. Sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan juga penting untuk membantu individu menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang baharu. • Kemahiran sosial dan jaringan komunikasi <ul style="list-style-type: none"> – Individu digalakkan untuk menghadiri acara-acara profesional seperti seminar, pameran kerjaya atau sesi rangkaian yang dianjurkan oleh industri. Melalui aktiviti ini, mereka dapat bertemu dengan individu yang berpengaruh, membina hubungan profesional dan mendapatkan maklumat tentang peluang pekerjaan yang tersedia. • Pendidikan dan latihan/kemahiran <ul style="list-style-type: none"> – Seseorang individu perlu memastikan bahawa mereka mempunyai kelayakan akademik dan kemahiran teknikal yang relevan dengan bidang pekerjaan yang diminati. Selain itu, mereka juga boleh mengikuti kursus tambahan atau menghadiri bengkel untuk meningkatkan kemahiran tertentu seperti penguasaan bahasa, penggunaan teknologi atau kemahiran insaniah seperti komunikasi dan pengurusan masa. Ini akan memberikan kelebihan kompetitif kepada calon pekerjaan. • Kemahiran sosial dan jaringan komunikasi <ul style="list-style-type: none"> – Penguasaan teknologi dan kepelbagaian kemahiran digital juga memainkan peranan besar dalam dunia pekerjaan hari ini. Dalam era Revolusi Industri 4.0, majikan semakin mencari individu yang mahir dalam penggunaan perisian moden, analitik data dan teknologi automasi.

Soalan	Jawapan	Sub markah	Markah total						
Petikan Pertama	1 C	1							
	2 (i) SALAH (ii) BETUL (iii) SALAH	2							
	3 hari perayaan Aidilfitri	1							
	4 X: Lambakan sotong yang terlalu banyak/tidak habis dijual	1							
	5 (i) gula melaka (ii) Garam, gula, bawang dan rempah ratus lain	2							
Petikan Kedua	1 X: Saiz akuarium Y: Makanan – Aksesori yang sesuai	2							
	2 – Jenis plastik – Jenis kaca	2							
	3 lebih cantik/tahan lama/mudah dibersihkan	1							
	4 C	1							
	5 X, ✓, ✓	2							
Petikan Ketiga	1 Pembaca berita	1							
	2 <table border="1" data-bbox="386 962 1062 1119"> <tr> <td>Umur</td> <td>25 tahun</td> </tr> <tr> <td>Ijazah</td> <td>Ijazah Kelas Pertama dalam Bidang Komunikasi dan Media Massa</td> </tr> <tr> <td>Institusi pendidikan</td> <td>Universiti Teknologi Mara</td> </tr> </table>	Umur		25 tahun	Ijazah	Ijazah Kelas Pertama dalam Bidang Komunikasi dan Media Massa	Institusi pendidikan	Universiti Teknologi Mara	2
	Umur	25 tahun							
	Ijazah	Ijazah Kelas Pertama dalam Bidang Komunikasi dan Media Massa							
	Institusi pendidikan	Universiti Teknologi Mara							
	3 D	1							
4 (i) universiti (ii) korporat	2								
5 Bilik studio	1								
Petikan Keempat	1 Polis Diraja Malaysia	1							
	2 Kaedah saintifik dalam penyiasatan atau forensik	1							
	3 C	1							
	4 ✓, X, ✓	2							
	5 (i) Kesan cap jari (ii) Sebarang dokumen	2							
	6 keperluan perundangan	1							
			30						

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 5

Kertas 3

Soalan	Jawapan
Bahagian A: Taksiran Individu	<ol style="list-style-type: none"> 1 Alat muzik serunai dimainkan semasa mengiringi wayang kulit, menora, gendang silat dan semasa adat perkahwinan. 2 Fungsi alat muzik tradisional serunai adalah dijadikan sebagai alat untuk menunjukkan emosi dan perasaan yang mencetuskan keseronokan dan menenangkan jiwa. 3 Golongan muda pada hari ini semakin tidak mengenali alat muzik tradisional kerana terpengaruh dengan budaya Barat dan K-Pop yang semakin menguasai muzik tanah air. Selain itu, remaja lebih banyak meluangkan masa dengan melayari Internet menggunakan telefon bimbit. Sebagai contoh, mereka lebih gemar menggunakan telefon pintar untuk melayari <i>Facebook</i>, <i>TikTok</i> dan <i>Instagram</i>. Tambahan pula, alat-alat muzik tradisional tidak diperkenalkan oleh ibu bapa kepada anak-anak akibat faktor sibuk dengan urusan kerja masing-masing. 4 Pada pendapat saya, peranan semua pihak dalam mempopularkan semula alat muzik tradisional kepada generasi muda ialah: <ul style="list-style-type: none"> – Ibu bapa memperkenalkan alat muzik tradisional kepada anak-anak sejak kecil. Sebagai contoh, ibu bapa boleh membawa anak-anak melihat persembahan berkaitan alat muzik tradisional. – Pihak sekolah pula boleh menubuhkan Kelab Kesenian dan Kebudayaan di sekolah masing-masing. Melalui aktiviti kelab dan persatuan, murid-murid boleh diperkenalkan dengan pelbagai alat muzik tradisional seperti gong dan gendang. Mereka juga boleh membuat persembahan menggunakan alat muzik tersebut sekiranya mempunyai pelbagai aktiviti mahupun majlis-majlis rasmi di sekolah. – Pihak kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia juga perlu menjalankan pelbagai aktiviti kebudayaan seperti pameran dan persembahan yang boleh ditonton oleh semua lapisan masyarakat. Secara tidak langsung, semua golongan masyarakat terutamanya golongan remaja akan terdedah dengan semua alat muzik tradisional tersebut.
Bahagian B: Taksiran Kumpulan	<p>Isi-isi Penting</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cara pembuatan kuih-muih tradisional yang renyah <ul style="list-style-type: none"> – Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat kuih tradisional memang sedikit, namun kelihatan renyah dari segi pembuatannya. Sebagai contoh, pembuatan dodol. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan dodol tidak banyak tetapi menjadi renyah apabila kita perlu sentiasa mengacau dodol tersebut supaya tidak berkerak dan proses memasak mengambil masa yang lama, iaitu sekitar dua hingga tiga jam. Disebabkan situasi ini, golongan muda terutamanya remaja yang lebih gemar meluangkan masa mereka dengan melayari Internet dan kurang berminat untuk menghasilkan kuih-muih tradisional ini. Tambahan pula, mereka kurang didedahkan oleh ibu bapa mereka tentang cara menghasilkan kuih ini berikutan faktor ibu bapa sibuk dengan urusan kerja masing-masing sehingga kuih tradisional ini semakin kurang mendapat tempat di hati anak-anak.

Soalan	Jawapan
	<ul style="list-style-type: none"> • Petua atau pantang larang dalam pembuatan kuih tradisional menyebabkan kuih semakin dilupakan <ul style="list-style-type: none"> – Sebahagian daripada kuih tradisional juga mempunyai pantang larang tersendiri supaya kuih tersebut dapat dihasilkan dengan baik dan sempurna. Antara contoh yang boleh dilihat melalui artikel yang disiarkan oleh SinarPlus tentang pantang larang membuat kuih cememek iaitu tidak boleh memasang kipas bagi mengelakkan kuih tersebut menjadi keras. Selain itu, terdapat juga pantang larang seperti tidak boleh bising ketika penghasilan proses membuat tapai ubi atau tapai pulut kerana dikhuatiri tapai tersebut menjadi masam. Berikutan petua dan situasi ini, tidak ramai golongan remaja yang sanggup mengambil risiko tersebut untuk menghasilkan sesuatu kuih tradisional kerana kemungkinan besar akan menyebabkan kerugian akibat kuih tidak menjadi. Justeru itu, benarlah bahawa pantang larang dalam penghasilan kuih tradisional menjadi faktor kuih tradisional semakin dilupakan. • Masyarakat kini lebih memilih kuih-muih sejuk beku <ul style="list-style-type: none"> – Masyarakat hari ini terutamanya golongan wanita yang berkerjaya lebih memilih produk makanan sejuk beku seperti karipap dan popia kerana penyediaannya lebih mudah dan cepat. Mereka lebih tertarik untuk membeli kuih tradisional Melayu yang didapati di gerai-gerai tepi jalan berbanding membuat sendiri kuih tersebut di rumah mereka. Teknologi canggih telah membawa kepada gaya hidup yang baharu. Cita rasa generasi kini sudah banyak berubah. Mereka tidak lagi menggemari kuih yang berasaskan kelapa khususnya kerana lebih tertarik dengan pembuatan kuih moden yang berasaskan keju atau bahan-bahan yang dihasilkan dari negara-negara Barat misalnya <i>Burnt Cheesecake</i>, <i>Cheesekut</i>, <i>Blueberrycheese Tart</i> dan banyak lagi. Oleh sebab itu, remaja pada hari ini semakin tidak mengenali kuih-muih tradisional kerana lebih memilih makanan Barat sebagai menu harian mereka. • Tiada kerjasama dengan pihak kerajaan menyebabkan kuih warisan semakin dilupakan oleh generasi muda <ul style="list-style-type: none"> – Usaha memartabatkan kuih tradisional perlu dilakukan bagi mengelakkan warisan ini terus pupus di dunia. Jabatan Warisan Negara sedang gigih mendokumentasikan resipi kuih tradisional untuk dibukukan supaya terus terpelihara. Namun, usaha itu masih tidak mencukupi dan masih banyak perlu dilakukan kerana bukan sahaja generasi muda tidak mengenalinya, malahan sebenarnya ramai dalam kalangan kita yang berusia sudah lupa akan kuih tradisional apabila lama tidak melihatnya. Sebagai contoh, tidak ramai anak muda yang mengenali kuih rotan, kuih gunting, kuih ubi kayu bersira, inang-inang, emping, putu kacang dan biskut sampan. Jika anak-anak tidak diperkenalkan dengan kuih-muih ini, sudah pasti suatu hari nanti makanan tradisi semakin dilupakan. Menyedari hakikat ini, pihak kerajaan seyogianya menjalinkan hubungan yang erat bagai isi dengan kuku, bersama-sama industri kecil dan sederhana untuk kemasalahatan bersama.

Soalan	Jawapan	Sub markah	Markah total
Petikan Pertama	1	Sains, Teknologi dan Inovasi	1
	2	✓, X, ✓	1
	3	Pembangun teknologi	2
	4	keterangkuman, kesejahteraan masyarakat	2
	5	C	1
Petikan Kedua	1	tangan-tangan manusia yang rakus	1
	2	– Puntung – Tam – Iman	2
	3	C	1
	4	X: Hidupan akuatik Y: Tumbuhan	2
	5	Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.	1
Petikan Ketiga	1	– kekal aktif semasa bercuti – mengunjungi sesuatu tempat	2
	2	– Menari – Berkebun – Fotografi alam semula jadi	2
	3	Mendengar muzik/membaca buku/menonton filem	1
	4	(i) sihat (ii) daya tahan (iii) darah tinggi	2
	5	C	1
Petikan Keempat	1	Janganlah kita menjadi seorang yang tamak sehingga kita hilang segalanya.	2
	2	(i) Si Arnab terbangun dari tidur (ii) Si Arnab menyorok daripada Si Singa	2
	3	C	1
	4	Si Singa masih ada Si Arnab untuk dijadikan sebagai makanan.	1
	5	– Arnab – Rusa – Singa	2
			30